BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 03/09/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 25 Mac 2009

SIARAN AKHBAR

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2008

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada tahun 2008, meskipun berlaku kegawatan dalam ekonomi kewangan antarabangsa dan kemerosotan ketara dalam persekitaran ekonomi global. Permintaan dalam negeri yang teguh, terutamanya penggunaan swasta yang mampan dan perbelanjaan awam yang kukuh, menyokong pertumbuhan pada tahun itu. Walaupun permintaan luar negeri kukuh pada separuh tahun pertama, keadaan ekonomi global yang merosot dengan mendadak dan pembetulan dalam harga komoditi mendorong kepada kemerosotan yang ketara dalam permintaan luar negeri pada separuh kedua tahun 2008. Akibatnya, pertumbuhan berkembang 2.4% pada separuh tahun kedua, berbanding dengan 7.1% pada separuh pertama tahun 2008.

Pada tahun itu, **permintaan dalam negeri agregat** berkembang 6.9%, disokong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan awam yang kukuh. Harga komoditi yang tinggi, guna tenaga yang stabil dan persekitaran pembiayaan yang kondusif telah mengekalkan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta pada separuh tahun pertama. Pertumbuhan turut disokong oleh pembayaran bonus untuk kakitangan awam dan rebat tunai bagi subsidi bahan api pada separuh tahun kedua. Keadaan ekonomi global yang makin merosot dengan ketara, bagaimanapun, telah mengakibatkan kemerosotan dalam aktiviti pelaburan swasta pada separuh kedua tahun itu.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(perubahan, %)

	2007	2008*a*
Permintaan dalam negeri [1/]	**9.8**	**6.9**
Perbelanjaan sektor swasta	10.6	7.1
Penggunaan	*10.8*	*8.4*
Pelaburan	*9.8*	*1.5*
Perbelanjaan sektor awam	7.9	6.5
Penggunaan	*6.6*	*11.6*
Pelaburan	*9.3*	*0.7*
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	**-3.8**	**-3.8**
Eksport	4.2	1.5
Import	5.4	2.2
KDNK Benar	**6.3**	**4.6**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan

Dari segi **penawaran**, sektor perkhidmatan meneruskan prestasinya yang kukuh pada separuh tahun pertama, didorong oleh permintaan yang teguh dan pertumbuhan dalam aktiviti perdagangan dan pelancongan. Sektor perkilangan juga berkembang, berikutan permintaan luar negeri yang menggalakkan dari pasaran bukan AS dan eksport keluaran berasaskan sumber yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian disokong oleh pengeluaran minyak sawit serta pengeluaran perikanan dan penternakan yang lebih tinggi. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan berpunca terutamanya daripada subsektor kejuruteraan awam, yang didorong oleh projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) serta projek-projek dalam industri minyak dan gas. Pada separuh tahun kedua, semua sektor ekonomi terjejas oleh kemerosotan global dan pembetulan yang ketara dalam harga komoditi. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan terutamanya telah bertukar menjadi negatif disebabkan penguncupan yang nyata dalam industri berorientasikan eksport. Sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama, walaupun sebilangan daripada subsektor perkhidmatan berkaitan aktiviti perdagangan dan pasaran modal telah terjejas.

KDNK Mengikut Sektor Ekonomi (2000=100)

	perubahan, %	
	2007	2008
Pertanian	2.2	3.8
Perlombongan & Kuari	3.3	-0.8
Perkilangan	3.1	1.3
Pembinaan	4.6	2.1
Perkhidmatan	9.7	7.3
KDNK Benar	**6.3**	**4.6**

Sumber: Jabatan Pengangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Keadaan **pasaran pekerja** menjadi lemah pada separuh kedua tahun 2008 memandangkan perusahaan perniagaan, khususnya sektor perkilangan mengambil sikap berhati-hati dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang semakin tidak menentu. Kadar pengangguran meningkat kepada 3.7% pada tahun 2008.

Inflasi keseluruhan lebih tinggi pada 5.4% pada tahun 2008, disebabkan terutamanya oleh kenaikan mendadak harga makanan dan bahan api global. Kadar inflasi mencatat paras tertinggi sebanyak 8.5% pada bulan Julai selepas pelarasan harga runcit bahan api sebanyak 40.4% pada bulan Jun. Walau bagaimanapun, inflasi mula menjadi sederhana pada suku keempat apabila harga komoditi global jatuh dengan ketara, yang mendorong kepada penurunan harga makanan dan bahan api dalam negeri.

Inflasi dan Guna Tenaga

	2007	2008
Inflasi (% perubahan)		
IHP (2005=100)	2.0	5.4
IHP Teras	1.8	4.0
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.2	3.7

Kedudukan luar negeri terus kukuh pada separuh pertama tahun 2008. Pada separuh tahun pertama, trend ini disokong oleh lebihan perdagangan yang sangat besar berikutan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam kedua-dua eksport komoditi dan perkilangan berasaskan sumber, di samping perolehan lebih tinggi daripada pelancongan dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang besar. Walaupun akaun semasa terus mencatat lebihan yang nyata pada separuh tahun kedua, kedudukan luar negeri keseluruhan mencatat aliran keluar bersih disebabkan aliran keluar bersih akaun kewangan yang besar lebih daripada mengimbangi lebihan dalam akaun semasa. Ini disebabkan terutamanya oleh kebalikan aliran pelaburan portfolio yang besar berikutan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan asing ekoran krisis kewangan global yang semakin buruk.

Pada tahun 2008, **rizab antarabangsa bersih** Bank Negara Malaysia menyusut sebanyak RM18.2 bilion kepada RM317.4 bilion (bersamaan dengan USD 91.5 bilion) pada 31 Disember 2008. Walaupun rizab meningkat dengan ketara pada separuh tahun pertama disebabkan oleh penghantaran balik perolehan eksport dan aliran masuk modal portfolio serta pelaburan langsung asing yang sangat besar, kebalikan aliran modal portfolio disebabkan oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan asing mendorong kepada penurunan dalam rizab pada separuh tahun kedua. Sehingga 13 Mac 2009, rizab kekal pada paras tinggi yang selesa sebanyak RM314 bilion (bersamaan dengan USD90.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Keadaan Monetari dan Kewangan pada Tahun 2008

Pada tahun 2008, pasaran kewangan antarabangsa dicirikan oleh peningkatan ketidaktentuan yang berpunca terutamanya daripada kebimbangan terhadap peningkatan inflasi global pada separuh pertama tahun itu dan krisis kewangan global yang semakin mendalam pada separuh kedua tahun yang sama. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan domestik terus berfungsi seperti biasa meskipun terdapat ketidaktentuan yang keterlaluan dalam pasaran kewangan global. Keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, pendedahan langsung yang kecil terhadap krisis kewangan global dan sektor perbankan yang kukuh, membolehkan institusi dan pasaran kewangan domestik melaksanakan fungsi pengantaraan dengan efektif. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan domestik terdedah kepada ketidaktentuan ketara yang dicetuskan oleh kebalikan aliran modal yang besar yang berpunca daripada pembayaran balik hutang global yang meningkat menjelang bahagian akhir tahun 2008.

Pada tahun 2008, **dasar monetari** beroperasi dalam persekitaran yang mencabar yang dicirikan oleh kejutan inflasi berasaskan penawaran, penularan pasaran kewangan dan penurunan pertumbuhan global. Dari perspektif dasar monetari, risiko terhadap pertumbuhan dan inflasi pada separuh pertama tahun itu secara relatifnya adalah seimbang. Cabaran bagi dasar monetari, bagaimanapun, bertambah rumit dengan ketara apabila inflasi melonjak berikutan pelarasan besar harga bahan api pada bulan Jun dengan prospek pertumbuhan yang negatif akibat kesan deflasi

yang berikutnya terhadap ekonomi dan oleh krisis kewangan global. Memandangkan magnitud kenaikan harga bahan api yang besar, kesan pusingan pertama terhadap harga barangan dan perkhidmatan dijangka besar. Walaupun tindakan dasar monetari di bawah persekitaran ini adalah terbatas, terdapat kebimbangan bahawa ini boleh menyemarakkan jangkaan terhadap inflasi. Tanda-tanda mengenai kenaikan upah yang tidak setara atau tanda-tanda kesan pusingan kedua terhadap inflasi juga terlalu kecil. Walau bagaimanapun, kenaikan harga yang mendadak telah menghakis kuasa membeli pengguna, lantas menyebabkan pengurangan perbelanjaan budi bicara. Terdapat juga semakin banyak tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kemelut kewangan yang sedang dihadapi oleh ekonomi negara maju menjadi lebih meruncing dan mula memberikan kesan negatif terhadap aktiviti ekonomi global, yang menyebabkan peningkatan risiko terhadap sektor luar negeri Malaysia. Pada masa yang sama, ramalan yang dibuat menunjukkan peningkatan paras inflasi adalah sementara dengan inflasi dijangka menurun dengan ketara pada separuh kedua tahun 2009. Oleh itu, dasar monetari kekal tidak berubah.

Keadaan global merosot dengan ketara dan cepat menjelang akhir tahun, dengan prospek pertumbuhan global bertambah teruk berbanding dengan jangkaan awal. Ekonomi Malaysia mendapat impak negatif daripada perkembangan buruk ini, seperti yang ditunjukkan oleh kelembapan yang mendadak dalam prestasi eksport dan pengeluaran perindustrian. Walaupun permintaan dalam negeri terus berdaya tahan, terdapat tanda-tanda yang jelas bahawa aktiviti swasta menjadi lebih perlahan. Apabila tekanan inflasi makin reda, tumpuan dasar berubah kepada usaha membendung kesan buruk kelembapan ekonomi dalam negeri. Dasar monetari disesuaikan dengan nyata sebagai langkah awal rangsangan monetari untuk memastikan keadaan monetari yang akomodatif dan menyokong aktiviti penggunaan dan pelaburan. Antara bulan November 2008 hingga Februari 2009, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikurangkan sebanyak 150 mata asas dan Rizab Keperluan Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dikurangkan sebanyak 300 mata asas.

Kadar pinjaman runcit pada tahun 2008 sudah pun menghampiri kadar terendah dalam sejarah disebabkan kos dana yang rendah, keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, di samping persaingan sengit antara bank. Berikutan pengurangan OPR pada bulan November, kadar pinjaman purata terus menurun bagi mengakhiri tahun itu pada kadar baharu yang paling rendah dalam sejarah sebanyak 5.86%.

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber : Bank Negara Malaysia

Peningkatan **pembiayaan bersih** yang disalurkan kepada sektor awam dan swasta adalah kukuh sebanyak 11.3% (2007:8.2%), mencerminkan keadaan kredit domestik yang terus menggalakkan pada tahun itu. Pembiayaan kepada sektor swasta yang meningkat disokong terutamanya oleh aktiviti penggunaan swasta dan keperluan modal kerja oleh sektor perniagaan.

Pembiayaan bank kepada isi rumah yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh terhadap harta kediaman dan kenderaan penumpang, yang disokong oleh peningkatan pendapatan ekoran harga komoditi yang tinggi dan pelbagai insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk sektor harta tanah pada tahun 2007. Pinjaman kepada sektor perniagaan disalurkan terutamanya untuk membiayai modal kerja. Pinjaman terkumpul sektor perniagaan keseluruhan meningkat 13.2% pada tahun 2008 (2007: 10.3%). Pinjaman kepada PKS, yang mencakupi 42.2% daripada keseluruhan pinjaman perniagaan meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 9.4% (2007: 9.1%). Pembiayaan PDS sepanjang tempoh itu digunakan untuk membiayai projek pelaburan baharu, terutamanya oleh firma-firma dalam sektor perkhidmatan.



Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun, permintaan terhadap pembiayaan berkurang disebabkan oleh penyederhanaan dalam prospek pertumbuhan ekonomi dan sikap sektor swasta yang lebih berhati-hati. Permohonan pinjaman oleh perniagaan dan isi rumah merosot dalam kebanyakan sektor ekonomi pada suku keempat. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti dan PDS juga berkurang. Terbitan bon yang lebih kecil dalam pasaran PDS juga disebabkan oleh kenaikan kos memperoleh dana yang lebih tinggi berikutan permintaan pelabur yang lebih tinggi terhadap premium risiko.

Kadar pertukaran **ringgit** dipengaruhi oleh kedua-dua faktor permintaan dalam dan luar negeri. Trend penambahan nilai ringgit pada awal tahun 2008 mencerminkan asas ekonomi dalam negeri yang positif, termasuk imbangan perdagangan bersih yang terus positif, sistem kewangan yang teguh, prospek pertumbuhan ekonomi yang secara relatif berdaya tahan serta pendedahan langsung Malaysia yang terhad terhadap krisis kewangan global. Kelemahan umum mata wang AS dan aliran masuk dana portfolio turut memperkukuh ringgit. Perkembangan global selanjutnya, bagaimanapun, menyebabkan trend ringgit secara umumnya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Ini termasuk kegagalan institusi kewangan utama dalam ekonomi negara maju, yang telah meningkatkan penghindaran risiko dan mencetuskan pelupusan pelaburan dalam ekonomi sedang pesat membangun. Antara bulan Mei hingga Disember 2008, ringgit berubah-ubah di sekitar trend umum penyusutan nilai sejajar dengan mata wang serantau lain berikutan perubahan sentimen yang cepat dalam pasaran kewangan dan mata wang. Dalam persekitaran global yang tidak menentu dan tidak pasti, rejim kadar pertukaran apungan terurus memberikan fleksibiliti untuk ringgit membuat penyesuaian dengan perkembangan ekonomi dan kewangan global. Pada masa yang sama, rejim semasa ini juga telah memberikan suatu tahap kestabilan berbanding dengan mata wang rakan dagangan Malaysia yang utama.

Ringkasan Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau pada tahun 2008



Note: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing
Sumber : Bank Negara Malaysia

Hasil bon ringgit dipengaruhi terutamanya oleh jangkaan inflasi dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi. Trend hasil pada umumnya meningkat pada separuh pertama tahun itu berikutan kebimbangan terhadap inflasi dalam negeri yang lebih tinggi, tetapi diredakan oleh aliran masuk modal yang besar dan jangkaan bahawa ringgit akan terus kukuh. Walau bagaimanapun, hasil MGS mula jatuh pada bahagian akhir tahun itu apabila jangkaan terhadap inflasi reda. Hasil PDS meningkat disebabkan oleh perkembangan pasaran domestik, termasuk pengagihan semula portfolio yang memihak pada sekuriti kedaulatan. Dalam pasaran ekuiti, kejatuhan harga komoditi, peningkatan penghindaran risiko dan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan antarabangsa menyebabkan Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) merosot sebayak 39.3% kepada 876.8.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2009

Prospek ekonomi Malaysia telah terjejas oleh keadaan ekonomi global yang sangat tidak menentu. Sektor kewangan global masih bermasalah, dengan kerugian yang dialami oleh institusi kewangan dijangka terus meningkat. Ekonomi global terus terjejas oleh luluh kredit (credit crunch), kehilangan pekerjaan, penurunan harga aset dan kapasiti berlebihan yang berlaku dalam sebilangan besar ekonomi negara maju, lalu mengakibatkan kesan buruk terhadap perdagangan global. Dengan banyak negara sudah mengalami kemelesetan, ekonomi global dijangka tidak mencatat sebarang pertumbuhan pada tahun 2009 (2008 : 3.4%).

Prospek global yang lemah dijangka memberikan impak yang buruk terhadap pertumbuhan ekonomi Asia, lantaran hubungan perdagangan dan pelaburan yang kukuh. Negara-negara yang bergantung pada perdagangan akan lebih mudah terjejas, manakala aliran pelaburan langsung asing akan dibendung memandangkan kapasiti berlebihan yang makin meningkat dan pengurangan pembiayaan

perdagangan. Beberapa ekonomi serantau telah pun merasai impak, seperti tanda-tanda yang ditunjukkan melalui penguncupan eksport yang mendadak serta kemerosotan besar dalam pengeluaran perindustrian dan pelaburan. Pelonggaran dasar monetari dan langkah fiskal menentang kitaran yang telah diambil oleh kebanyakan ekonomi di rantau ini, bagaimanapun, akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan serantau pada tahun 2009.

Ekonomi Malaysia dijangka mengalami impak kemerosotan ekonomi global sepenuhnya pada tahun 2009. Bagi menghadapinya, beberapa langkah dasar telah dilaksanakan dengan tumpuan utama pada usaha menyokong permintaan dalam negeri serta mengurangkan impak kelembapan ekonomi terhadap segmen ekonomi yang terjejas. Ini termasuk dua pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM67 bilion, mencakupi hampir 10% daripada KDNK, yang disasarkan bagi menyokong permintaan sektor swasta, mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang latihan, meringankan beban sektor-sektor yang terjejas di samping membina kapasiti ekonomi jangka panjang. Bagi dasar monetari, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan OPR sebanyak 150 mata asas sejak bulan November 2008 kepada 2%, manakala SRR dikurangkan sebanyak 300 mata asas kepada 1%, bagi mengurangkan kos pengantaraan, termasuk pembayaran balik pinjaman bulanan.

Selain itu, beberapa langkah juga telah dilaksanakan untuk memastikan PKS dan perusahaan perniagaan terus mendapat akses kepada kredit serta meminimumkan kesan kemerosotan ekonomi terhadap sektor-sektor tertentu yang terjejas. Ini termasuk penubuhan empat dana baharu untuk memudahkan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro serta langkah-langkah oleh institusi kewangan untuk mengurangkan bebanan terhadap kumpulan yang terjejas melalui penyusunan semula pinjaman. Di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua, dua kemudahan jaminan pinjaman, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri ditubuhkan, masing-masing untuk membekalkan modal kerja dan untuk menggalakkan pelaburan oleh masyarakat perniagaan. Selain itu, Institusi Jaminan Kewangan juga akan ditubuhkan untuk menyediakan penambahbaikan kredit bagi syarikat yang memperoleh dana dari pasaran bon.

Dengan mengambil kira prospek kemerosotan ekonomi global yang semakin buruk dan sokongan yang diberikan oleh langkah-langkah dasar terhadap ekonomi, pencapaian **pertumbuhan KDNK benar** ekonomi Malaysia pada tahun 2009 diunjurkan antara -1% hingga 1%. Pelaksanaan pakej rangsangan yang tepat pada masanya adalah penting untuk memastikan pertumbuhan akan berada dalam lingkungan unjuran ini. **Permintaan dalam negeri** dijangka memberikan sokongan penting kepada ekonomi, dengan penggunaan awam dan perbelanjaan swasta sebagai peneraju utama. Perbelanjaan sektor awam diunjurkan meningkat dengan ketara berikutan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi. Selain itu, tindak balas dasar juga akan memberikan sokongan penting kepada penggunaan isi rumah memandangkan pasaran pekerja dijangka lemah dan harga komoditi yang secara relatif lebih rendah. Pelaburan swasta dijangka menjadi perlahan dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang secara keseluruhannya lebih perlahan. Memandangkan

ekonomi global sangat lemah, **permintaan luar negeri** diunjurkan memberikan kesan penguncupan terhadap ekonomi, dengan itu mengurangkan pertumbuhan pada tahun 2009 dengan anggaran 4 mata peratusan.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2009*r*	
	Perubahan tahunan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)
Permintaan dalam negeri [1/]	**2.9**	**2.6**
Perbelanjaan sektor swasta	-0.3	-0.2
Penggunaan	*3.5*	*1.8*
Pelaburan	*-17.7*	*-2.0*
Perbelanjaan sektor awam	11.4	2.8
Penggunaan	*7.3*	*1.0*
Pelaburan	*16.6*	*1.8*
Perubahan dalam stok		**1.4**
Eksport bersih barangan & perkhidmatan	**-29.7**	**-4.0**
Eksport	-16.6	-19.7
Import	-14.9	-15.7
KDNK Benar	**-1.0 ~ 1.0**	**-1.0 ~ 1.0**

[1] Tidak termasuk stok
r Ramalan

Dari segi **penawaran**, sektor-sektor yang terdedah secara langsung kepada permintaan luar negeri akan terjejas dengan ketara pada tahun 2009. Pengeluaran sektor perkilangan dijangka merosot disebabkan penguncupan industri berorientasikan eksport serta sokongan yang lebih lemah daripada industri berorientasikan dalam negeri. Sektor perkhidmatan akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan, meskipun pertumbuhannya dijangka sederhana berikutan prestasi industri berkaitan perdagangan yang lebih lemah. Sektor pertanian dan perlombongan akan mencatat pertumbuhan negatif berikutan pengeluaran minyak sawit, getah dan minyak mentah yang lebih rendah, sebahagiannya disebabkan oleh harga yang lemah. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, hasil daripada pelaksanaan projek-projek di bawah dua pakej rangsangan.

KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2008[a]	2009[r]
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	3.8	-2.0
Perlombongan & Kuari	-0.8	-0.4
Perkilangan	1.3	-8.0
Pembinaan	2.1	3.0
Perkhidmatan	7.3	4.5
KDNK benar	**4.6**	**-1.0 ~ 1.0**

[a] Awalan
[r] Ramalan

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
Bank Negara Malaysia

Keadaan **pasaran pekerja** dijangka terus lemah, dengan kadar pengangguran diunjurkan meningkat kepada 4.5% pada tahun 2009. Walaupun perniagaan yang terjejas akibat kemerosotan nyata dalam permintaan luar negeri berkemungkinan akan terus melaksanakan langkah pengurangan kos, termasuk pemberhentian sementara dan pembuangan pekerja, langkah-langkah untuk menambah guna tenaga dalam sektor awam dan insentif yang diberikan kepada sektor swasta untuk mengekalkan para pekerja akan sebahagiannya mengimbangi prospek pekerjaan yang lemah secara keseluruhannya.

Bagi sektor **luar negeri**, lebihan akaun semasa diramalkan menjadi sederhana, tetapi kekal dalam jumlah besar pada 11.5% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2009. Walaupun eksport kasar dijangka menguncup dengan nyata disebabkan kelemahan ketara oleh permintaan luar negeri dan harga komoditi yang lebih rendah, lebihan perdagangan akan kekal besar kerana penguncupan eksport akan sebahagian besarnya diimbangi oleh penyusutan import. Akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit pada tahun 2009 disebabkan lebihan yang lebih rendah dalam akaun perjalanan. Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing dijangka terus sederhana pada tahun 2009, disebabkan syarikat multinasional menangguhkan rancangan pelaburan mereka sehingga adanya tanda-tanda yang jelas berlakunya pemulihan permintaan.

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 1.5%-2% pada tahun 2009. Ini mencerminkan kebalikan yang ketara bagi harga komoditi global daripada paras tertinggi pada tahun 2008 dan inflasi global yang lebih perlahan. Kesan pelarasan terhadap harga ditadbir yang lebih rendah oleh Kerajaan dan jangkaan aktiviti ekonomi yang perlahan juga akan meredakan tekanan terhadap harga.

Harga Pengguna



Unjuran pencapaian pertumbuhan ekonomi pada kadar -1% hingga 1% untuk Malaysia pada tahun 2009 adalah berdasarkan jangkaan keadaan ekonomi global yang lebih lemah pada tahun itu, yang sebahagiannya akan diimbangi oleh pelaksanaan langkah dasar untuk menyokong permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, masih wujud ketidakpastian yang nyata dalam prospek ekonomi global. Pertama, kemelut dalam pasaran kewangan antarabangsa mungkin terus berlarutan sehingga melewati tahun ini, dengan masalah dalam sektor kewangan di beberapa negara masih belum diselesaikan, sekali gus akan terus memberikan kesan penguncupan terhadap kemerosotan ekonomi global. Kedua, langkah-langkah rangsangan besar yang sedang dilaksanakan oleh beberapa negara akan mengambil masa untuk menampakkan kesannya. Ketiga, terdapat risiko perlindungan perdagangan dan kewangan. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi kedalaman dan tempoh kemelesetan dalam ekonomi negara maju dan prestasi keseluruhan ekonomi global.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2009

Meskipun terdapat usaha-usaha rangsangan yang besar dan selepas hampir dua tahun mengalami krisis kewangan global, belum lagi terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ekonomi global akan pulih, malahan menunjukkan trend yang menurun. Dalam persekitaran ekonomi global yang amat sukar ini, cabaran yang dihadapi adalah untuk menyediakan sokongan dasar yang mencukupi dan memadai kepada permintaan dalam negeri bagi mengurangkan impak kemerosotan permintaan luar negeri.

Bajet Kewangan Persekutuan Tahun 2009 yang diumumkan pada bulan Ogos 2008 pada mulanya dirumuskan dengan objektif utama untuk terus memperkukuh daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi kenaikan inflasi dan peningkatan ketidaktentuan. Apabila keadaan ekonomi global bertambah buruk pada suku keempat 2008, dasar fiskal dilaksanakan untuk menangani kemerosotan kitaran. Pakej Rangsangan Ekonomi pertama sebanyak RM7 bilion yang diumumkan pada 4 November 2008 disasarkan untuk menampung kekurangan dalam permintaan sektor swasta dan merangsang semula perbelanjaan swasta. Dana tersebut diperuntukkan untuk projek-projek pembinaan berskala kecil, penyenggaraan infrastruktur sosial

dan kemudahan awam dan projek pembangunan yang meliputi pembinaan kediaman kos rendah dan sederhana serta langkah-langkah untuk merangsang penggunaan swasta. Pakej Rangsangan kedua sebanyak RM60 bilion yang diumumkan pada 10 Mac 2009 termasuk pelbagai langkah untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri dan memperkukuh kapasiti pertumbuhan masa hadapan. Daripada jumlah keseluruhan, RM15 bilion adalah dalam bentuk suntikan fiskal, RM25 bilion untuk Dana Jaminan, RM10 bilion untuk pelaburan ekuiti, RM7 bilion untuk inisiatif pembiayaan swasta dan RM3 bilion dalam bentuk insentif percukaian.

Walaupun defisit fiskal dijangka bertambah daripada 4.8% daripada KDNK pada tahun 2008 kepada 7.6% daripada KDNK pada tahun 2009, Kerajaan akan terus membiayai defisit tersebut daripada sumber dalam negeri bukan inflasi, kebanyakannya melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII). Selain itu, Kerajaan akan menerbitkan bon runcit, Bon Simpanan Kerajaan, berjumlah RM5 bilion, untuk membiayai perbelanjaannya. Dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan tabungan dalam negeri yang tinggi dalam sektor kewangan domestik, perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi tidak akan memberikan kesan terhadap ketersediaan sumber kewangan bagi pembiayaan sektor swasta.

Dengan risiko inflasi makin reda, fokus dasar monetari telah beralih dengan mantap untuk menangani kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi berikutan permintaan global yang ternyata semakin lemah. Sebagai langkah pencegahan awal, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan OPR sebanyak 150 mata asas antara bulan November 2008 hingga Februari 2009 untuk menyokong aktiviti ekonomi. SRR turut dikurangkan bagi mengurangkan kos pengantaraan dan dengan itu menggalakkan bank-bank untuk memindahkan kesan kadar faedah yang lebih rendah tersebut kepada peminjam.

Yang penting, Malaysia menghadapi tempoh mencabar ini dalam keadaan kedudukan ekonominya yang kukuh, iaitu sistem perbankan yang bertambah teguh dan kedudukan luar negeri yang kukuh. Dasar berhemat dan kemajuan yang nyata dalam membangunkan dan mengukuhkan sistem dan institusi kewangan domestik sejak berlakunya Krisis Kewangan Asia telah menyumbang kepada daya tahan sistem kewangan Malaysia. Ini penting untuk memastikan bahawa proses pengantaraan kewangan tidak diganggu dan untuk memudahkan penyampaian dasar monetari.

Bank Negara Malaysia sedar betapa perlunya untuk mengurangkan impak kadar faedah yang lebih rendah terhadap sebahagian penduduk yang bergantung pada pendapatan daripada tabungan. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan terbitan Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM2 bilion pada 28 Januari sebagai instrumen tabungan tambahan bagi warganegara Malaysia berumur 56 tahun ke atas. Sementara itu, Kerajaan mengumumkan terbitan Bon Simpanan berlandaskan syariah berjumlah RM5 bilion untuk warganegara berumur 21 tahun ke atas. Dengan

kadar pulangan nominal sebanyak 5% setahun, kadar pulangan benar bagi kedua-dua bon ini dijangka berpurata melebihi 3% pada tahun 2009.

Impak bersama dasar monetari dan fiskal serta langkah-langkah struktur yang disasarkan akan mengehadkan kesan kemerosotan ekonomi global terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri dan memberikan asas yang kukuh untuk ekonomi kembali kepada landasan pertumbuhan jangka sederhananya apabila keadaan ekonomi dan kewangan global kembali normal.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang diaudit bagi Tahun 2008

Kedudukan kewangan dan operasi Bank Negara Malaysia bagi tahun 2008 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia ialah sebanyak RM344.5 bilion sehingga akhir tahun 2008 (akhir tahun 2007: RM424.9 bilion). Bank Negara Malaysia mencatat keuntungan bersih sebanyak RM6.5 bilion bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2008 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada Kerajaan.

Bank Negara Malaysia
25 Mac 2009